

15 AUG 1996

Turki-Lawatan

LAWATAN PEMIMPIN TURKI MEMPERKUKUHKAN LAGI HUBUNGAN KOMERSIL

Oleh: Noryani Ismail

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Turki, Necmettin Erbakan ke Malaysia bermula Jumaat ini bertujuan memperkukuhkan lagi hubungan ekonomi antara kedua-dua negara, kata Duta Turki di sini Ferhat Ataman.

Ataman menyifatkan hubungan antara kedua-dua negara sebagai "sempurna" dan baik khasnya selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Turki pada 1994.

Beliau memberitahu Bernama dalam satu temu bual semalam sempena dengan lawatan pertama kali seorang pemimpin Turki ke negara ini yang juga merupakan lawatan pertama Erbakan ke luar negara sejak memegang jawatan Perdana Menteri sejak awal tahun ini.

Satu delegasi 250-anggota yang terdiri daripada enam Menteri, pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli perniagaan dan 40 wakil media akan mengiringi Erbakan, kata duta itu.

Bagaimanapun kata Ataman, masih ada ruang untuk meningkatkan lagi hubungan yang sedia ada khasnya daripada segi statistik perdagangan.

"Buat masa ini, hanya 0.4 peratus daripada jumlah eksport Turki sampai ke Malaysia dan hanya 0.7 peratus jumlah importnya datang dari Malaysia," kata Ataman.

Getah dan minyak sawit masih merupakan import terbanyak dari Malaysia bagi Turki.

Statistik perdagangan dan barangan niaga yang terhad itu menunjukkan perlunya kedua-dua negara mempelbagaikan lagi perdagangan untuk menggunakan sepenuhnya potensi yang sedia ada, kata beliau.

"Kita yakin yang badan-badan sedia ada seperti Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Majlis Perniagaan Malaysia-Turki boleh memainkan peranan penting dalam merealisasikan matlamat ini," kata beliau.

Turki percaya hubungan ekonomi yang lebih rapat akan membolehkan Malaysia menggunakan negara itu sebagai pangkalan untuk memasuki pasaran Kesatuan Eropah.

Turki merupakan antara negara yang telah menandatangani Perjanjian Kesatuan Kastam.

Di sebaliknya, Turki boleh menggunakan sepenuhnya kedudukan strategik Malaysia di Asia Tenggara sebagai pintu masuk ke pasaran rantau itu, kata beliau.

Ataman berkata, negaranya juga melihat kemungkinan perkongsian Malaysia-Turki dalam bidang pembinaan di Balkan memandangkan pengetahuan Turki mengenai pasaran rantau itu dan kepakaran komersil Malaysia.

Beliau berkata, Turki juga mahu mewujudkan hubungan yang lebih rapat dalam sektor kewangan, tenaga dan pelancongan.

Beliau berkata semasa lawatan rasmi itu, Erbakan dijangka membincangkan isu-isu dua hala, politik dan budaya, kerjasama pertahanan dan bertukar pandangan terhadap isu-isu antarabangsa. -- BERNAMA

NI RN PR